

MAHATHIR - HARVARD
(1)

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI, 7 OGOS

1982

GENTING HIGHLANDS, 7 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA RAKYAT MALAYSIA PERLU MENGHARGAI KETINGGIAN MUTU DALAM APA JUA MEREKA LAKUKAN.

KETINGGIAN MUTU BUKAN SAHAJA MESTI DICAPAI DAN DIKEKALKAN TETAPI HARUS SENTIASA DIPERBAIKI, KATANYA.

KETINGGIAN MUTU, KATANYA, TIDAK BOLEH DIABAIKAN DALAM USAHA MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN.

PERDANA MENTERI BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM KELAB BEKAS-BEKAS MAHASISWA SEKOLAH PERNIAGAAN HARVARD MALAYSIA DI SINI MALAM INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KAKITANGAN KERAJAAN JUGA TIDAK SEHARUSNYA MEMBERI PERKHIDMATAN SAHAJA TETAPI HENDAKLAH MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN YANG BERMUTU. -- LAGI 1930/MK

MAHATHIR - HARVARD 2 GENTING HIGHLANDS (EMBARGO)

+KHIDMAT SEPERTI INI TIDAK HARUS DIHADKAN KEPADA KAKITANGAN PENERBANGAN MAS SAHAJA TETAPI HENDAKLAH SERAGAM BAGI SEMUA PERKHIDMATAN KERAJAAN,+ KATANYA.

+PENGAWALAN MUTU HARUS DIBERI PERHATIAN BUKAN SAHAJA OLEH KERAJAAN TETAPI JUGA OLEH SEKTOR SWASTA,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: +KITA HARUS BERUSAHA SUPAYA BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA TIDAK DAPAT DIPERSOALKAN DARI SEGI MUTU.

+BAHAN-BAHAN MENTAH KITA TELAH PUN MENCAPAI KEJAYAAN DALAM HAL INI.

+TETAPI, KITA TIDAK BOLEH KATA BARANG-BARANG PENGILANGAN TELAH SAMPAI KEPADA TAHAP INI.+ -- LAGI 1932/MK

B615

MAHATHIR - HARVARD 3 GENTING HIGHLANDS (EMBARGO)

PERDANA MENTERI KESAL DENGAN SEKTOR SWASTA MALAYSIA YANG KURANG AGRESIF DAN BERJAYA SEPERTI DI SETENGAH-SETENGAH NEGARA MEMBANGUN DI RANTAU INI.

PARA PENGURUS SEKTOR SWASTA, KATANYA, TERLALU BERKECENDERUNGAN MENYERAHKAN PERKARA-PERKARA PERNIAGAAN YANG LEBIH RUMIT, UMPAMANYA PEMBANGUNAN DAN PEMASARAN, KEPADA PARA PENGURUS DI NEGARA-NEGARA JIRAN.

KELEMAHAN PARA PENGURUS MALAYSIA DALAM PEMBANGUNAN, PENGELUARAN DAN PEMASARAN BARANG-BARANG DICERMINKAN OLEH HAKIKAT DI MANA KEDANYAKAN BARANG-BARANG MALAYSIA DIPASARKAN OLEH FIRMA-FIRMA DI NEGARA-NEGARA LAIN, KATANYA.

SERING KALI BARANG-BARANG YANG DIHASILKAN DARIPADA BAHAN MENTAH MALAYSIA APABILA DIKILANG DALAM NEGERI TIDAK BERUPAYA BERSAING DI PASARAN DUNIA DENGAN BARANG-BARANG SERUPA YANG MENGGUNAKAN BAHAN MENTAH MALAYSIA YANG SAMA TETAPI DIKILANG DI SEBERANG LAUT, TAMBAHNYA.

+NAMPAKNYA KITA TIDAK DAPAT MENGADAKAN PENGURUSAN YANG BAIK WALAUPUN MEMPUNYAI KELEBIHAN,+ KATANYA. -- LAGI 1935/MK

B616

MAHATHIR - HARVARD 4 GENTING HIGHLANDS (EMBARGO)

OLEH DEMIKIAN, TEGASNYA, LEBIH RAMAI PENGURUS HENDAKLAH DILATIH MANAKALA PENGURUS-PENGURUS YANG ADA PERLU DITINGKATKAN KEMAHIRAN MEREKA.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN PENGURUS-PENGURUS BAHAWA MEREKA MESTI SENTIASA MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA DAYA PENGELUARAN.

+MEREKA HARUS MAKLUM SEGALA CARA DAN JALAN UNTUK MENINGGIKAN DAYA PENGELUARAN DAN MEREKA JUGA MESTI BERSIKAP INOVATIF,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA TAHAP DAYA PENGELUARAN RAKYAT MALAYSIA BOLEH DIUKUR DEMIKIAN:

SEORANG PEKERJA DALAM KILANG MEMASANG KERETA MALAYSIA MENGELUARKAN 0.6 BAHAGIAN SEBUAH KERETA SETAHUN MANAKALA NEGARA-NEGARA JIRAN MENCAPAI PURATA 2.5 KERETA SEORANG PEKERJA SETAHUN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: +MUNGKIN PARA PEKERJA PATUT DIPERSALAHKAN TETAPI PARA PENGURUS JUGA TIDAK BOLEH LARI DARIPADA APA YANG BERLAKU DI BAWAH PENGURUSAN MEREKA.+ -- BERNAMA 1941/MK